

## **Pembahasan Ucapan Presiden Sempena MATK PEMBINA ke-7**

Noktah-noktah yang akan disentuh berkenaan ucapan dasar Presiden PEMBINA, Ustaz Ibrahim Mohd Hasan:

1. Menyokong sepenuhnya seruan dan visi yang disampaikan oleh Presiden dalam ucapan dasar.
2. Mahasiswa sepatutnya memahami aspirasi dalam ucapan dasar yang disampaikan ini kerana ia akan menentukan halatuju amal kampus yang didasari oleh mahasiswa sebagai komponen utama dan terpenting dalam PEMBINA.
3. Sebagai menyambut seruan Presiden dalam ucapan dasar, mahasiswa perlu proaktif dalam mengeluarkan pandangan dalam isu-isu kampus dan menyusun strategi untuk memantapkan amal kampus/ipt, tanpa menunggu respon dan arahan pimpinan.
4. Saya melihat **3 fokus utama** yang telah digariskan dalam ucapan dasar **perlu diterbitkan dalam realiti aktivisme mahasiswa di kampus secara berstrategi dan terperinci.**
5. Saya juga percaya 3 noktah tersebut perlu diaplikasikan dengan segera pada mana-mana medan dan ipt dan sebagai wasilah yang terbaik dalam memenuhi target 33,888 ahli sehingga tahun 2015.
6. Maka di sini ingin saya ketengahkan **4 noktah penting** bersempena pembahasan ucapan presiden ini;
  - i) **Pentingnya bagi kita meningkatkan cakupan keahlian dan mobilisasi ahli**
  - ii) **Pentingnya membina pelapis yang berkualiti dan berkeupayaan tinggi (Berdasarkan Pakej dan Gred)**
  - iii) **Pentingnya membangunkan kepimpinan dan tokoh belia/mahasiswa PEMBINA**
  - iv) **Pentingnya respon yang konstruktif terhadap isu-isu nasional dan kampus**
7. Berkenaan noktah ke-3, saya melihat **pembangunan tokoh dan kepimpinan perlu dilihat dalam skop yang lebih luas**, bukan

sekadar tokoh dan kepimpinan yang pandai berpidato, ber"suit", bertali leher dan berkasut hitam. Tetapi **tokoh dan pemimpin yang versatil dan pelbagai yang dapat menjadi ikon berdasarkan kelompok dan kecenderungan belia/mahasiswa.** Belia/mahasiswa kini bukannya tipikal seperti dulu, mereka lebih terbuka dek globalisasi. Contohnya, kita boleh lahirkan Tokoh Tarbiyyah, Tokoh Rekreasi & Sukan, Tokoh BAKTI & Kemasyarakatan, Tokoh Media dan Tokoh Kepimpinan semestinya.

8. 4 noktah tadi memberi impak yang cukup besar terhadap perkembangan amal da'wah kampus bagi menjamin kestabilan tanzhim/organisasi PEMBINA sebagai Gerakan Mahasiswa Islam, lebih-lebih lagi kita sudah terjun dalam medan amal yang baru, iaitu medan **Pilihanraya Kampus**, iaitu medan politik yang berbentuk fizikal.
9. **Medan PRK** merupakan medan baru yang diterobos oleh PEMBINA, maka perlu kita muhasabah (Action Review) kelebihan dan kelemahan yang perlu kita tingkatkan dan perbaiki.
10. **Pertembungan sekarang ialah pertembungan persepsi dan propaganda**, maka boleh saya analogikan ia sama seperti pertembungan fizikal di pentas politik. Ia memerlukan kepantasan, kekuatan intelektual dan fizikal dan juga kemantapan strategi. Maka **media**lah yang akan memainkan peranan ini, sebagai frontline bagi Gerakan Mahasiswa Islam PEMBINA.
11. **Penutup**, perancangan dan kata-kata perlu direalitikan melalui perbuatan yang bersungguh-sungguh dan tersusun. Agenda PEMBINA yang besar memerlukan pendokong yang kuat dan tahan lasak.

**Muslim Bin Abdullah Zaik**  
**Presiden PEMBINA IIUM Chapter**  
**Pembahasan Ucapan Presiden Sempena MATK PEMBINA ke-7**